



UNIVERSITI
MALAYSIA
TERENGGANU

BUKU PANDUAN

PROGRAM SARJANA MUDA
EKONOMI (SUMBER ALAM)
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN
PEMBANGUNAN SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU



Isi Kandungan

KATA ALU-ALUAN DEKAN	i
KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA).....	ii
VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI.....	1
LATAR BELAKANG UMT.....	2
FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL.....	3
Maklumat Am.....	4
Kemudahan Makmal.....	5
Tugas Dan Peranan Mentor.....	6
Peraturan Pakaian Dan Penampilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu	7
Polisi Universiti Malaysia Terengganu.....	8
BARISAN PENGURUSAN FAKULTI	10
Pengurusan Fakulti.....	10
Ketua Program Pengajian	11
PROGRAM SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM) DENGAN KEPUJIAN ...	18
Syarat Kemasukan.....	19
Jumlah Kredit Untuk Bergraduat	19
Kurikulum Program	20
Sinopsis Kursus	27

KATA ALU-ALUAN DEKAN



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Panduan Program Akademik Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) bagi Sesi akademik 2024/2025 telah dapat disempurnakan. Buat masa ini Fakulti FPEPS menawarkan 7 program pengajian pra-siswazah yang diiktiraf MQA iaitu Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian, Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian, Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian, Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian, Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian, Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian dan Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian.

Fakulti amat mengalu-alukan kehadiran pelajar pada sesi akademik kali ini. Selamat datang dan tahniah kerana anda terpilih untuk menyambung pengajian di Universiti Malaysia Terengganu khususnya FPEPS. Kehidupan anda sebagai pelajar universiti telah bermula. Pelajar harus menghargai dan memanfaatkan peluang ini sebaik yang mungkin sepanjang 3 atau 4 tahun tempoh pengajian di UMT. Kami warga Fakulti akan sentiasa berusaha dan bersedia untuk membantu anda membina kejayaan sebagai pelajar yang cemerlang di UMT.

Fakulti sentiasa komited dalam usaha pembangunan pelajar dan penawaran program pengajian yang berkualiti dan berdaya saing. Di antaranya FPEPS telah menawarkan tiga program yang diiktiraf oleh badan profesional iaitu program Sarjana Muda Perakaunan yang mendapat pengiktirafan oleh MIA, ACCA, MICPA, ICAEW dan CPA Australia, manakala program Sarjana Muda Kaunseling yang diiktiraf oleh badan profesional Lembaga Kaunselor Malaysia dan yang terkini Sarjana Muda Kewangan diiktiraf oleh Malaysian Financial Planning Council (MFPC).

Selain itu, majoriti tenaga pengajar Fakulti memegang kelulusan PhD dari pelbagai universiti di dalam dan luar negara. Fakulti juga telah berjaya melaksanakan kerjasama dengan universiti luar negara menerusi program *outbound* dan *inbound mobility* seperti dengan Universiti Dongguk (Korea Selatan); Prince of Songkla University (Thailand); Universitas Airlangga (Indonesia) dan banyak lagi. Pelajar turut berpeluang untuk mengikuti pelbagai aktiviti bertaraf antarabangsa, kebangsaan mahupun yang dianjurkan oleh kelab pelajar melalui NREC, MAR'C, HISAAC, PEKA, TOURMAC dan POSESO sepanjang bergelar mahasiswa dan mahasiswi di universiti.

Sebagai mahasiswa dan mahasiswi UMT, anda seharusnya peka dengan keperluan, peraturan dan syarat-syarat akademik yang terpakai di UMT supaya perjalanan pengajian anda di UMT lancar dan dapat menamatkan pengajian dengan jayanya. UMT mengamalkan mod PdP secara bersemuka dan interaktif bersama pelajar. Oleh demikian, pelajar hendaklah sentiasa berhubung dengan mentor, pensyarah atau Ketua Program untuk dapatkan nasihat dan bimbingan sekiranya menghadapi kesulitan dalam pelbagai situasi.

Akhir kata, diharapkan anda semua dapat merancang pengajian akademik dengan teratur dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kecemerlangan. Tiada yang mustahil untuk dicapai sekiranya kita tekun berusaha dan sentiasa bersedia menempuh cabaran yang mendatang. Semoga usaha dan ikhtiar yang dilakukan ini akan sentiasa membawa hasil dan seterusnya memberi manfaat kepada agama, bangsa dan negara. Diharapkan agar pelajar dapat menggunakan sepenuhnya Buku Panduan ini sepanjang anda bergelar mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang pengajian masing-masing.

Selamat Maju Jaya. Terima kasih.

Profesor Dr. Suriyani binti Muhamad

Dekan

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER 1: SESI 2024/2025



TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
1 – 5/10/2024	PENDAFTARAN PELAJAR BAHRU DAN MINGGU JALINAN MESRA	
MINGGU 1-4 6/10/2024 – 2/11/2024	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian	Hari Deepavali 31/10/2024 (Khamis)
MINGGU 5-7 3 – 23/11/2024	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
24 – 30/11/2024	CUTI PERTENGAHAN SEMESTER	
MINGGU 8 1 – 7/12/2024	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 9 8 – 14/12/2024	KULIAH - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 10-13 15/12/2024 – 11/1/2025	KULIAH	Hari Krismas 25/12/2024 (Rabu)
MINGGU 14 12 – 18/1/2025	KULIAH - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	
19/1/2025 – 1/2/2025	MINGGU ULANG KAJI	Israj Mikraj 27/1/2025 (Isnin) Tahun Baru Cina 29 & 30/1/2025 (Rabu & Khamis)
MINGGU 15-16 2/2/2025 – 15/2/2025	PEPERIKSAAN AKHIR - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	
16/2/2025 – 15/3/2025	CUTI ANTARA SEMESTER	Hari Ulang tahun Pertubuhan Kebawah DYMM Sultan Terengganu 4/3/2025 (Selasa)

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat <https://mynemo.umt.edu.my>
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari facebook rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di <https://www.facebook.com/AkademikUMT/> untuk makluman terbaru dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER II: SESI 2024/2025



TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
MINGGU 1-3 16/3/2025 – 5/4/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian *(Kuliah pdp secara hibrid dari Minggu 1 – Minggu 3) 	Nuzul Al-Quran 17/3/2025 (Isnin) Hari Raya Aidilfitri 31/3/2025 – 1/4/2025 (Isnin-Selasa)
MINGGU 4 6 – 12/4/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Pindah Kredit Pelajar Tahun 1 - Permohonan Tangguh Pengajian *(Kuliah pdp secara bersemuka mulai minggu 4 dan seterusnya) 	
MINGGU 5-7 13/4/2025 – 3/5/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Gugur) 	Hari Keputeraan Sultan Terengganu 26/4/2025 (Sabtu) Hari Keputeraan Sultan Terengganu (Kelepasan Am Negeri Terengganu 27/4/2025 (Ahad) Hari Pekerja 1/5/2025 (Khamis)
4 – 10/5/2025	CUTI PERTENGAHAN SEMESTER	
MINGGU 8 11 – 17/5/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Pendaftaran Kursus (Gugur) 	Hari Wesak 12/5/2025 (Isnin)
MINGGU 9 18 – 24/5/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Semakan dan Pengesahan Kursus 	
MINGGU 10-13 25/5/2025 – 21/6/2025	KULIAH	Hari Keputeraan YDP Agong 3/6/2025 (Selasa) Hari Arafah & Hari Raya Aidiladha 5 - 8/6/2025 (Khamis – Ahad)
MINGGU 14 22 – 28/6/2025	KULIAH <ul style="list-style-type: none"> - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian 	Awal Muharram 27/6/2025 (Jumaat)
29/6/2025 – 5/7/2025	MINGGU ULANG KAJI	
MINGGU 15-17 6 – 26/7/2025	PEPERIKSAAN AKHIR <ul style="list-style-type: none"> - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian 	

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat <https://mynemo.umt.edu.my>
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-9 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari [facebook](#) rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di <https://www.facebook.com/AkademikUMT/> untuk makluman terbaharu dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

KALENDAR AKADEMIK (SARJANA MUDA)

SEMESTER PENDEK: SESI 2024/2025



TARIKH/MINGGU	AKTIVITI	CUTI UMUM
MINGGU 1-2 27/7/2025 – 9/8/2025	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Tambah & Gugur) - Permohonan Tangguh Pengajian	
MINGGU 3-4 10 – 23/8/2025	KULIAH - Pendaftaran Kursus (Gugur)	
MINGGU 5 24 – 30/8/2025	KULIAH - Semakan dan Pengesahan Kursus	
MINGGU 6-7 31/8/2025 – 13/9/2025	KULIAH	Hari Kebangsaan 31/8/2025 (Ahad) Maulidur Rasul 5/9/2025 (Jumaat)
MINGGU 8 14 – 20/9/2025	KULIAH - Cetakan Slip Peperiksaan - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	Hari Malaysia 16/9/2025 (Selasa)
MINGGU 9 21 – 27/9/2025	PEPERIKSAAN AKHIR - Penilaian Pengajaran (e-SPP/TEP) Secara Dalam Talian	

PERINGATAN

- Pelajar boleh membuat semakan maklumat akademik melalui portal MyNemo di alamat <https://mynemo.umt.edu.my>
- Pelajar perlu membuat pengesahan kursus yang didaftarkan selewat-lewat nya pada minggu ke-5 pada semester semasa.
- Bagi pelajar tahun akhir, semakan layak bergraduat perlu dibuat dalam Modul Layak Bergraduat di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Pelajar dimohon merujuk kepada Peraturan Akademik UMT Edisi terkini berkaitan Peraturan Pendaftaran di dalam portal MyNemo (Menu Akademik).
- Layari *facebook* rasmi Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik (PPPA), UMT di <https://www.facebook.com/AkademikUMT/> untuk makluman terbaru dan terkini.

Nota : Maklumat di atas tertakluk kepada pindaan daripada semasa ke semasa.

Pusat Pembangunan & Pengurusan Akademik, UMT

VISI, MISI, FUNGSI & OBJEKTIF UNIVERSITI



FUNGSI

- Mendokong misi universiti untuk menjadi pusat pembelajaran dan penyelidikan yang ulung dalam menyumbang kepada kemajuan manusia dan penerokaan ilmu dan juga kepada pembentukan kekayaan serta pembangunan negara.
- Menyediakan tenaga kerja terlatih yang mempunyai kemahiran profesional yang tinggi dan diperkuuhkan dengan disiplin diri serta membentuk ciri-ciri murni dan etika kerja yang positif.
- Melahirkan graduan yang peka kepada idea dalam pengurusan dan responsif kepada perubahan semasa serta menjadi 'role-model' kepada pelajar dan masyarakat.
- Memberi khidmat melalui penyebaran idea dan amalan baru serta mencari penyelesaian terhadap masalah semasa dalam masyarakat.
- Menjalin hubungan antara universiti, institusi-institusi lain dan industri demi kepentingan bersama dan pembangunan negara.
- Menyokong misi universiti untuk menjadi sebuah pusat penyelidikan dan pembelajaran yang teratur di samping menyediakan perkhidmatan yang baik dan penerokaan dalam pelbagai teknologi yang baru.

OBJEKTIF

- Menerokai ilmu dalam semua bidang yang berkaitan dengan Sains, Teknologi dan Pengurusan Sumber Alam melalui penyelidikan.
- Menyediakan kemudahan terkini (makmal, perpustakaan, pengkomputeran dan persekitaran) sebagai menyokong pembangunan ilmu, pembelajaran dan kesarjanaan.
- Menawarkan program pengajian yang cemerlang untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan.
- Menghasilkan graduan yang bertanggungjawab, berilmu, berkeyakinan dan berketrampilan.
- Memainkan peranan aktif dalam pembangunan sosial, ekonomi dan pendidikan melalui perkhidmatan pengembangan kepada masyarakat setempat dan kawasan Pantai Timur Semenanjung dan Malaysia, amnya.

LATAR BELAKANG UMT



Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah bermula dengan sebuah Pusat Perikanan dan Sains Samudera pada tahun 1979, yang menyediakan kemudahan latihan pelajar Program Perikanan dan Sains Samudera di samping menyediakan kemudahan penyelidikan untuk pensyarah. Melalui penstrukturkan semula program akademik di UPM, keseluruhan Fakulti Perikanan dan Sains Samudera telah dipindahkan ke Terengganu dan diberi nama baru iaitu Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FSGT) mulai Jun 1996. Turut ditubuhkan ialah Fakulti Sains dan Sastera Ikhtisas (FSSI) dan Pusat Pengajian Matrikulasi (PPM).

Mulai Jun 1996, kampus ini telah diiktiraf (secara dalaman UPM) sebagai sebuah pusat tanggungjawab dan dinamakan Universiti Pertanian Malaysia Cawangan Terengganu (UPMT) dan diketuai oleh seorang Rektor (designate). Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 Mei 1999 telah bersetuju meluluskan cadangan penubuhan Kolej Universiti Terengganu (KUT) berdasarkan Pusat Perikanan dan Sains Samudera Universiti Pertanian Malaysia di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu.

Perintah Kolej Universiti Terengganu (Perbadanan) 1999 (PUA 292) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 26 Julai 1999. KUT adalah Kampus bersekutu UPM dan pelajar akan dikurniakan ijazah dari UPM. KUT telah diberi kuasa autonomi sebagai Kolej Universiti Terengganu pada 1 Mei 2001. Pada 1 Julai 2001 KUT dengan rasminya telah bertukar nama sebagai Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia dengan singkatan KUSTEM.

Bermula pada 1 Februari 2007 bersamaan 13 Muharam 1428 H, tercipta satu lagi sejarah dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dalam usaha mengukuhkan kedudukan IPTA Negara, enam buah Kolej Universiti telah melalui penjenamaan semula kolej-kolej universiti. Kini KUSTEM di kenali sebagai Universiti Malaysia Terengganu.

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PEMBANGUNAN SOSIAL

PRA-SISWAZAH

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial (FPEPS) ditubuhkan secara rasmi pada 1 Ogos 2019 selepas penjajaran baharu Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Sebelum itu, fakulti telah melalui beberapa siri penstrukturkan sejak penubuhan asal pada 2001. Penubuhan fakulti ini adalah bertujuan untuk memberi latihan akademik di dalam melahirkan lebih ramai tenaga profesional dalam bidang ekonomi, pengurusan, pemasaran, perakaunan, kewangan, pelancongan, psikologi dan kaunseling serta polisi awam demi memenuhi keperluan negara. Buat masa ini, FPEPS menawarkan 7 program pengajian pra siswazah seperti mana berikut :

PROGRAM	TEMPOH
Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian	4 tahun
Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Perakaunan dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Pengurusan (Pengajian Polisi) dengan Kepujian	3.5 tahun
Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan dengan Kepujian	3 tahun
Sarjana Muda Kewangan dengan Kepujian	3 tahun

PASCA SISWAZAH STRUKTUR PENYELIDIKAN

FPEPS juga menawarkan program pengajian Sarjana Sains (M.Sc) dan Doktor Falsafah (Ph.D) di bawah struktur A iaitu secara penyelidikan menerusi bidang-bidang seperti Ekonomi, Pengajian Sosial, Kaunseling, Psikologi, Pemasaran, Pengurusan, Perakaunan, Kewangan dan Pelancongan.

STRUKTUR KERJA KURSUS

Selain itu, FPEPS turut menawarkan program Sarjana secara kerja kursus (Struktur C) seperti mana berikut :

- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)
- Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu) (ICZM)
- Sarjana Kaunseling
- Sarjana Ekonomi



Maklumat Am

SISTEM PENGAJIAN DI UMT

UMT mengamalkan sistem semester. Terdapat dua semester untuk setiap sesi tahun pengajian dan tempoh untuk setiap semester ialah 18 minggu, lazimnya mengikut pecahan berikut:

Kuliah	7 minggu
Cuti Pertengahan Semester	1 minggu
Kuliah	7 minggu
Peperiksaan akhir	3 minggu

STRUKTUR KURIKULUM PROGRAM

Struktur kurikulum untuk program sarjana muda dibentuk berdasarkan falsafah dan matlamat UMT iaitu bagi mengeluarkan graduan-graduan yang berpengetahuan, berwibawa dengan mempunyai pelbagai kemahiran, termasuk keusahawanan dan kepimpinan. Terdapat tiga komponen kursus dalam kurikulum program iaitu Teras Universiti, Teras Program dan Elektif.




SISTEM PENGGREDAN, GRED DAN MATA NILAIAN GRED

Markah	Gred Abjad	Nilai Mata Gred	Keterangan Gred
800-100	A	4.00	Cemerlang
75-79	A-	3.75	
70-74	B+	3.50	Baik
65-69	B	3.00	
60-64	B-	2.75	Memuaskan
55-59	C+	2.50	
50-54	C	2.00	Lemah
45-49	C-	1.75	
40-44	D	1.00	Gagal
< 39	F	0.00	


Skema Penggredan, Gred Abjad, Mata Nilaian Gred dan Keterangan Gred adalah seperti jadual berikut:

PNGK	Klasifikasi Ijazah	
	Dalam Bahasa Melayu	Dalam Bahasa Inggeris
3.67-4.00	Cemerlang	Distinction
2.00-3.66	Kepujian	Honours

Kemudahan Makmal



Makmal Komputer



Makmal Kaunseling

Tugas Dan Peranan Mentor

Mentor adalah sebagai asas dalam Bimbingan Siswa dan berperanan dalam membentuk kumpulan pelajar UMT yang dinamik, cergas, berketerampilan serta mempunyai sahsiah peribadi yang tinggi dan mempunyai bakat kepimpinan. Tugas-tugas mentor adalah :

- **Sebagai Pembimbing Siswa Kepada Pelajar**

Mentor adalah sebagai "Pembimbing Siswa" kepada siswa/siswi yang berada di bawah bimbingan mereka. Ini bermakna mentor adalah sebagai seorang rakan, kakak/abang, penasihat dan "role model" untuk siswa/siswi. Kecemerlangan pelajar di sepanjang pengajian di UMT adalah berhubung kait dengan nasihat yang diberi oleh pembimbing.

- **Mengadakan Perjumpaan Dengan Pelajar**

Mentor diminta mengadakan perjumpaan berkumpulan sekurang-kurangnya sekali dalam satu semester untuk kumpulan pelajar di bawah bimbingannya. Perjumpaan secara individu dengan pelajar perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan untuk membolehkan pembimbing bertanya mengenai kemajuan dan perihal pelajar.

- **Memberi Motivasi Kepada Pelajar**

Mentor digalakkan memberi dorongan dan motivasi kepada siswa/siswi bukan sahaja mengenai akademik tetapi juga dalam pembentukan sahsiah pelajar. Pelajar perlu sentiasa didorong untuk memberikan prestasi yang terbaik dan mendapat keputusan yang cemerlang.

- **Memberi Nasihat Teknik Pembelajaran**

Mentor digalakkan memberikan panduan mengenai isu-isu pembelajaran yang berkaitan seperti teknik terbaik untuk mengulangkaji, pengurusan masa dan segala yang berkaitan dengan pembelajaran.

- **Menyediakan Suasana Perjumpaan Kondusif**

Untuk menggalakkan pelajar berjumpa dengan Mentor, satu suasana kondusif perlu diwujudkan. Mentor sepatutnya mengkhususkan waktunya pejabat sekurang-kurangnya dua jam seminggu untuk perjumpaan dengan pelajar di bawah sistem ini. Pembimbing juga hendaklah sentiasa Menunjukkan kesediaan dalam membantu pelajar menyelesaikan masalah sama ada peribadi atau akademik. Komunikasi dengan pelajar perlu mengambil kira aspek-aspek keinsanan untuk membolehkan pelajar lebih selesa berjumpa dengan Mentor.

- **Membuat Perhubungan Rasmi dan Tidak Rasmi**

Mentor digalakkan mengadakan hubungan secara rasmi atau tidak rasmi dengan bapa atau penjaga siswa/siswi di bawah bimbingannya (misalnya dengan menulis surat atau sekadar menelefon keluarga pelajar). Keadaan ini sudah pasti akan mewujudkan suasana kekeluargaan di antara pembimbing dan pelajar.

- **Melibatkan Pelajar Dalam Aktiviti Fakulti**

Mentor sepatutnya cuba melibatkan pelajar di bawah bimbingan masing-masing dalam aktiviti- aktiviti Unit, Jabatan, Pusat Pengajian atau Universiti (misalnya jika mentor dilantik menjadi pengurus sesuatu jawatankuasa kecil, cuba libatkan mereka jika ianya berkaitan). Secara tidak langsung ini akan membantu pelajar bagi mendapat pengalaman berguna yang tidak dapat diperolehi dari bilik kuliah.

- **Membantu Pelajar Memahami Sistem Akademik**

Mentor hendaklah membantu pelajar memahami sistem akademik di UMT seperti kurikulum pengajian, sistem semester, sistem pendaftaran, sistem peperiksaan dan pengecualian kursus.

- **Membantu Pelajar Dalam Perancangan Skema Pengajian**

Mentor hendaklah membantu pelajar dalam merancang skema pengajian mereka. Ini adalah mustahak terutama untuk pelajar yang mendapat pengecualian kredit yang banyak. Perancangan skema pengajian ini dapat membantu pelajar dalam menentukan agihan kredit paling optima setiap semester.

- **Merujuk Kepada Pakar**

Mentor harus dapat mengenalpasti masalah pelajar dan sekiranya perlu, pelajar dirujuk kepada pihak tertentu yang mempunyai kapakaran untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Peraturan Pakaian Dan Penampilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu

PERATURAN AM

- Setiap pelajar dikehendaki memamerkan kad matrik sepanjang berada di dalam kampus.
- Setiap pelajar dilarang memakai pakaian atau aksesori yang melambangkan pertubuhan atau kumpulan tertentu yang boleh menimbulkan ketidakharmonian di dalam kampus.
- Setiap pelajar dilarang memamerkan dalam apa-apa bentuk, unsur-unsur yang bertentangan dengan moral dan tatasusila atau mengandungi reka bentuk perkataan atau frasa yang tidak selari dengan nilai atau norma yang mulia.
- Setiap pelajar adalah tertakluk kepada syarat-syarat pakaian yang ditetapkan di bawah peraturan makmal atau di mana-mana tempat di dalam kampus yang mempunyai peraturannya yang tersendiri.



Contoh Penampilan Kad Matrik Pelajar

RAMBUT


- Pelajar hendaklah sentiasa berambut kemas dan rapi.
- Pelajar lelaki tidak dibenarkan menyimpan rambut panjang dan berekor di hadapan atau di belakang. rambut hendaklah tidak mencecah kolar baju.
- Berfesyen rambut keterlaluan bagi lelaki dan perempuan adalah dilarang.
- Mewarnakan rambut adalah dilarang sama sekali



Contoh Penampilan Rambut Pelajar

Polisi Universiti Malaysia Terengganu

PAKAIAN SEMASA BERADA DI DALAM KAMPUS DAN SEMASA MENGHADIRI ACARA RASMI



Contoh Penampilan Pakaian Pelajar

- Setiap pelajar hendaklah berpakaian yang bersesuaian sebagai seorang pelajar Universiti dengan menunjukkan kekemasan, kerapian dan kesopanan.
 - Pelajar diwajibkan berpakaian sopan (baju kemeja, T-berkollar, berkasut, berseluar panjang, berskirt panjang di bawah paras lulut), ketika berada di bangunan kuliah / makmal / perpustakaan / pejabat atau kafetaria dan di luar bilik kediaman.
 - Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian yang ketat atau jarang, mendedahkan tubuh badan (mana-mana anggota dari dada hingga ke lutut) dan berpakaian menjolok mata. Pelajar adalah dilarang berpakaian seperti mana di bawah ketika menghadiri kuliah atau apa-apa acara rasmi:-
- ✓ Berskirt di atas paras lutut ✓ Berbaju tanpa lengan ✓ Berseluar / berskirt ketat
✓ Berbaju T tanpa kollar ✓ Berseluar jeans ✓ Berselipar
lengan

(Senarai di atas adalah tidak muktamad dan tertakluk kepada peraturan semasa Universiti)

- Berdasarkan faktor keselamatan, pemakaian purdah atau penutup muka semasa peperiksaan/penilaian akademik dijalankan atau dalam acara rasmi adalah dilarang.
- Semasa menghadiri apa-apa acara rasmi, pelajar lelaki diwajibkan berpakaian formal dengan berkemeja lengan panjang, bertali leher, berseluar panjang dan berkasut rasmi. Pelajar perempuan diwajibkan berbaju kurung atau memakai pakaian sopan dengan memakai baju melepas paras punggung, memakai skirt labuh di bawah paras lutut atau berseluar panjang yang longgar dan berkasut rasmi.
- Pelajar juga perlu mematuhi tatacara berpakaian yang ditetapkan oleh Universiti dan penganjur dari masa ke semasa berdasarkan acara yang dijalankan.
- Semasa membuat urusan rasmi di mana-mana pejabat Universiti atau berada di dewan kuliah, pelajar juga tidak dibenarkan memakai topi atau bandana.
- Pelajar dilarang mempamerkan 'Tatoo' di mana-mana anggota tubuh badan. Bertindik bagi lelaki adalah dilarang sama sekali dan bertindik yang keterlaluan adalah juga dilarang bagi pelajar perempuan. Pelajar lelaki juga tidak dibenarkan memakai gelang tangan atau berpakaian menyerupai perempuan.

BARISAN PENGURUSAN FAKULTI

Pengurusan Fakulti



Dekan
Profesor Dr. Suriyani
Muhamad



Timbalan Dekan
(Akademik & HEP)
Profesor Madya Dr.
Azwadi Ali




Timbalan Dekan (Siswazah)
Profesor Madya Dr. Nik
Hazimah Nik Mat



Timbalan Dekan
(Bakat & Penyelidikan)
Profesor Madya Dr. Nazli Aziz



Penolong Pendaftar Kanan
Cik Wan Zawati Wan Jaafar



Penolong Pendaftar
Nur Nadia Amira Noley

KETUA PROGRAM PENGAJIAN



SARJANA MUDA KAUNSELING
DENGAN KEPUJIAN
DR. KAMARUL MD SHAH



SARJANA MUDA PERAKAUNAN
DENGAN KEPUJIAN
DR. WAN ZURIATI WAN ZAKARIA



SARJANA MUDA KEWANGAN DENGAN
KEPUJIAN
DR. AHMAD SHAUQI HJ MOHAMAD ZUBIR



SARJANA MUDA PENGURUSAN
(PEMASARAN) DENGAN KEPUJIAN
PROFESOR MADYA DR. SITI
FALINDAH PADLEE



SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER
ALAM) DENGAN KEPUJIAN
DR. MUHAMMAD NAJIT SUKEMI



SM PENGURUSAN PELANCONGAN
DENGAN KEPUJIAN
DR. YUSNITA YUSOF

PRA-SISWAZAH



DR. NOOR FADHIHA MOKHTAR
SARJANA PENTADBIRAN
PERNIAGAAN



DR. SITI SALINA ABDULLAH
SARJANA KAUNSELING



DR. MOHD NASIR NAWAWI
SARJANA EKONOMI

PASCA- SISWAZAH



DR. ALEEF OMAR SHAH
SARJANA PENGURUSAN (ZON
PANTAI BERSEPADU)

SENARAI PENSYARAH



Dr. Muhammad Najit bin Sukemi
Ph.D Economics (UKM), M.Econ (UKM), B. Econ (Hons) (UKM)
Bidang: Ekonomi Pembangunan, Hubungan Etnik
Ketua Program / Pensyarah Kanan
09-668 4196 / 4152
najit@umt.edu.my



Prof. Dr. Fauziah binti Hj Abu Hasan
Ph.D. (Florida State), M. Sc (Western Michigan), B. Sc
(Western Michigan)
Bidang: Ekonomi Antarabangsa, Ekonomi Pembangunan
Pro Naib Canselor / Profesor
09-668 4535 | fauziah@umt.edu.my



Prof. Dr. Suriyani binti Muhamad
Ph.D. (Manchester), M. Sc (LSE), B.Econ (Hons) (UM)
Bidang: Ekonomi Pembangunan
Dekan / Profesor
09-668 4155 / 4156
suriyani_md@umt.edu.my



Prof. Dr. Nur Azura binti Sanusi
Ph.D. (UKM), B. Econ (Hons) (UKM), Bidang:
Makroekonometrik, Ekonomi Kewangan, Ekonomi Islam
Profesor
09-668 4153
nurazura@umt.edu.my

SENARAI PENSYARAH



Prof. Madya Dr. Hazman bin Samsudin
Ph.D. (Canberra), M. Econ (UPM), B. Econ (Hons) (UPM)
Bidang: Perdagangan dan Kewangan Antarabangsa
Pengarah Pusat Ekonomi Biru (UMT BEACON) / Profesor
Madya
09-668 3868 | Hazman_s@umt.edu.my



Prof. Madya Dr. Noorhaslinda binti Kulub Abdul Rashid
Ph.D. (UKM), M. Econ. (UM), B. Econ (Hons), (UUM)
Bidang: Ekonomi Pembangunan & Ekonomi Islam
Penyelaras Kualiti / Profesor Madya
09-668 3617
lindarashid@umt.edu.my



Prof. Madya Dr. Azlina binti Abd Aziz
Ph.D. (Leicester), M. Econ (UM), B. Econ (Hons) (UM)
Bidang: Ekonomi Sumber dan Tenaga, Alam Sekitar dan
Ekonomi Pembangunan
Profesor Madya
09-668 3836 | aqlina@umt.edu.my



Prof. Madya Dr. Mahirah binti Kamaludin
Ph.D. (UPM), M. Econ (UPM), B. Econ (UNIMAS)
Bidang: Ekonomi Sumber Alam, Pembangunan Sumber
Alam & Polisi
Profesor Madya
09-668 4191 | mahirah.k@umt.edu.my

SENARAI PENSYARAH



Prof. Madya Dr. Zairihan binti Abdul Halim
Ph. D (Queensland University of Technology), M. Econ (UM),
B. Econ (Hons) (UUM)
Bidang: Ekonomi Kewangan, Kewangan Islam, Kewangan
Korporat
Profesor Madya | 09- 668 3854 | zairihan@umt.edu.my




Dr. Mohd Nasir bin Nawawi
Ph. D (UUM), M. Econ (UKM), B. Econ (Hons) (UKM)
Bidang: Ekonomi Pembangunan, Ekonomi Alam
Sekitar
Pengerusi Bidang Sarjana Ekonomi / Pensyarah Kanan
09-668 4236 | nasir@umt.edu.my



Dr. Nor Fatimah binti Che Sulaiman
Ph.D (UKM), M.Sc. (UMT), BSc. Econ (Yokohama National
University)
Bidang: Ekonomi Pembangunan
Penyelaras Data / Pensyarah Kanan
09-668 3286 | n.fatimah@umt.edu.my



Dr. Roshanim binti Koris
Ph.D Economics (UPM), M. Econ (UKM), B.Econ (Hons) (UKM)
Bidang: Ekonomi Pembangunan, Ekonomi Kesihatan
Penyelaras Kualiti / Pensyarah Kanan
09-668 3621
roshanim@umt.edu.my



SENARAI PENSYARAH



Dr. Roseliza binti Mat Alipiah
Ph.D (York), M. Econ (UKM), B. Econ (Hons) (UKM)
Bidang: Ekonomi Sumber Alam
Penyelaras Kertas Projek / Pensyarah Kanan
09-668 4160
roseliza@umt.edu.my



Dr. Nizam bin Ahmat
Ph.D. (UKM), M. Econ (UKM), B. Mng (UTM),
Bidang: Ekonometrik Gunaan, Ekonomi Pengangkutan
Penyelaras Latihan Industri / Pensyarah Kanan
09-668 3789
nizamahmat@umt.edu.my



Dr. Noor Haslina binti Mohamad Akhir
Ph.D (UPM), M.Econ (UM), B.Econ (Hons), (UUM),
Bidang: Ekonomi Pembangunan
Penyelaras Siswazah / Pensyarah Kanan
09-668 4472
haslin@umt.edu.my



Dr. Jaharudin bin Padli
Ph.D. (UPM), M. Econ (UPM), B. Econ (UPM)
Bidang: Applied Macroeconomics, Economics of Religion
(Islamic Economics)
Penyelaras PITA / Pensyarah Kanan
09-668 3519 | jaharudin@umt.edu.my

SENARAI PENSYARAH



Dr. Jumadil Saputra
Ph. D. Econ. Islamic Finance (UMT), M. Econ. Dev. (UNSYIAH),
B. Econ-Mgmt. (UNIMAL),
Bidang: Ekonomi Kuantitatif
Penyelaras Mobiliti / Pensyarah Kanan
09-668 4980 | jumadilsaputra@umt.edu.my




Dr. Muhamad Rias bin K V Zainuddin
Ph.D Economics (UKM), M.Econ (UKM), B.Econ (Hons) (UMT)
Bidang: Ekonomi Antarabangsa, Ekonometrik Gunaan
Penasihat Kelab NREC / Pensyarah Kanan
09-668 3880
rias@umt.edu.my



Dr. Hakimah Nur binti Ahmad Hamidi
Ph.D Economics (UKM), M.Econ (UKM), B.Sc (Hons) (USM)
Bidang : Perdagangan Antarabangsa, Ekonomi Kuantitatif
Penyelaras ALUMNI / Pensyarah Kanan
09-668 3758
h.nur@umt.edu.my



Dr. Zuraini binti Anang
Ph.D. (Newcastle), MBA (UKM), B. Sh (Hons) (UM)
Bidang: Ekonomi Sumber Alam, Ekonomi Islam
Pensyarah Kanan
09-668 4232
zura@umt.edu.my



SENARAI PENSYARAH



Dr. Moe Shwe Sin
Ph.D. (UPM), M.Sc. (UPM), B.Agr.Sci. (Yezin Agricultura University)
Bidang: Polisi Pembangunan Sumber Alam, Ekonomi Perikanan
Pensyarah Kanan
09-668 5029 | moe@umt.edu.my



Cik Nurul Shahirah Syazwani Binti Mohd Alim
M.Econ (UKM), B.Econ (Hons) (UMT)
Bidang : Ekonomi Sumber SLAM (Cuti Belajar)
Shahirah.syazwani@umt.edu.my

PROGRAM SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM) DENGAN KEPUJIAN

Program Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian ditawarkan bagi memenuhi keperluan terhadap graduan berpengetahuan ekonomi (K-Ekonomi). Program ini memfokuskan kepada aplikasi teori ekonomi bagi menyelesaikan pelbagai masalah ekonomi yang berteraskan terutamanya dalam bidang ilmu sumber alam serta pembangunan dan kewangan. Pelajar turut didedahkan kepada kaedah pembelajaran terkini seperti ekonomi digital, e-pembelajaran dan revolusi industri. Graduan program ini juga diperlengkapkan bagi memenuhi pelbagai peluang pekerjaan di sektor swasta dan awam serta sebagai usahawan muda yang mampu memacu kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara.

OBJEKTIF

- Melahirkan siswazah berilmu khususnya dalam bidang ekonomi sumber alam, berkebolehan tinggi, berkemahiran, beretika dan berketerampilan.
- Memupuk sikap positif di kalangan siswazah ekonomi dalam menyumbang tenaga dan idea kepada pembangunan negara.
- Menerapkan siswazah dengan kemahiran kepimpinan dan keusahawanan.

PROSPEK KERJAYA

Siswazah Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian mempunyai peluang kerjaya dalam pelbagai sektor sama ada sektor awam dan sektor swasta. Antaranya prospek kerjaya siswazah Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian adalah seperti pengurus, pentadbir, penyelidik, penganalisa ekonomi, jururunding ekonomi, pegawai hal ehwal ekonomi, pegawai pembangunan ekonomi, pegawai perancang ekonomi, penasihat kewangan, pengurus dana, pegawai bank, pegawai kewangan, broker saham, pegawai operasi pengeluaran, pegawai penilai, pegawai perancangan dan pembangunan, pegawai perhutanan, pegawai pertanian, pegawai statistik, pendidik dan sebagai usahawan.

Syarat Kemasukan

SYARAT AM KEMASUKAN UNIVERSITI

- i. Lulus SPM/ Setaraf dengan baik.
- ii. Lulus dengan kepujian dalam Bahasa Melayu / Bahasa Malaysia di peringkat SPM / Setaraf.
- iii. Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- iv. Lulus dalam peperiksaan STPM dengan sekurang-kurangnya Gred C dalam Pengajian Am / Kertas Am, dan Gred C dalam dua (2) mata pelajaran lain.
atau
- v. Mempunyai kelulusan Diploma atau kelayakan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat Universiti.
atau
- vi. Lulus Matrikulasi KPM / Asasi Sains UM/ Asasi UiTM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00.

SYARAT KHAS PROGRAM

- i. Kelayakan minimum calon STPM / Matrikulasi / Program Asasi
- ii. Mendapat Gred B- (NGMP 2.67) dalam salah satu mata pelajaran berikut di peringkat STPM: Ekonomi, Perakaunan, Matematik atau Pengajian Perniagaan.
- iii. Kepujian dalam mata pelajaran Matematik di peringkat SPM atau Gred C (NGMP 2.00) dalam mata pelajaran Matematik di peringkat STPM / Matrikulasi/ Asasi.
- iv. Lulus dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM.
- v. Kelayakan Setaraf Matrikulasi atau diploma dalam bidang yang sesuai dari institusi yang diiktiraf.

Jumlah Kredit Untuk Bergraduat

Jumlah minimum kredit untuk bergraduat ialah 126 jam kredit. Agihan jam kredit mengikut kategori kursus adalah seperti berikut:

Kategori	Kredit	Peratus
Teras Universiti	20	16
Teras Program	70	57
Elektif	33	27
Jumlah	123	100

Kurikulum Program

Kursus Teras Universiti (20 atau 18 jam kredit)

KURSUS TERAS UNIVERSITI (PELAJAR TEMPATAN)

Kod	Nama Kursus	Kredit	Pra Syarat
COM3112	Seni komunikasi	2	
CCM3011	Santuni Komuniti	1	
MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2	
MPU3142	Falsafah dan Isu semasa	2	
MPU3223	Asas Keusahawanan	3	
MPU3352	Integriti dan Anti Rasuah	3	
BBB3013	Academic Writing Skills	3	MUET Band 3 dan ke atas
BBB3033	English for Occupational Purposes	3	
CCXXXX	Kokurikulum	2	
JUMLAH		20	

KURSUS TERAS UNIVERSITI (PELAJAR ANTARABANGSA)

Kod	Nama Kursus	Kredit	Pra Syarat
MPU3143	Communicative Malay Language	3	
MPU3132	Appreciation of Ethics & Civilisations	2	
MPU3352	Integriti dan Anti Rasuah	2	
BBB3013	Academic Writing Skills	3	MUET Band 3 dan ke atas
BBB3023	Public Speaking	3	
BBB3033	English for Occupational Purposes	3	
CCXXXX	Kokurikulum	2	
JUMLAH		18	

KURSUS TERAS PROGRAM

Kod	Nama Kursus	Kredit
ECO3083	Mikroekonomi I	3
ECO3093	Makroekonomi I	3
ECO3123	Mikroekonomi II	3
ECO3113	Makroekonomi II	3
ECO3153	Statistik Ekonomi dan Perniagaan I	3
ECO3163	Statistik Ekonomi dan Perniagaan II	3
ECO3173	Ekonometrik I	3
ECO3183	Ekonometrik II	3
ECO3193	Pengenalan Kepada Ekonomi Matematik	3
ECO3213	Ekonomi Matematik	3
ECO4143	Mikroekonomi III	3
ECO4133	Makroekonomi III	3
ECO4213	Kaedah Penyelidikan	3
ECO4243	Ekonomi Sumber Asli	3
ECO4404	Ekonomi Antarabangsa	4
ECO4978	Latihan Industri	8
ECO4982	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2
ECO4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4
ACT3014	Perakaunan Perniagaan	4
MGM3323-E	Falsafah Pengurusan	3
MMS3043	Sains Alam Sekitar	3
JUMLAH		70

SENARAI KURSUS ELEKTIF

Pelajar perlu memilih sekurang-kurangnya **7 KURSUS** atau **21 JAM KREDIT** dari senarai kursus **Elektif A** dan sekurang-kurangnya **4 KURSUS** atau **12 JAM KREDIT** dari senarai kursus **Elektif B** di bawah:

Kursus Elektif A*

1. ECO4253 Ekonomi Alam Sekitar
2. ECO4263 Ekonomi Tenaga
3. ECO4273 Ekonomi Tanah dan Perhutanan
4. ECO4283 Ekonomi Perikanan dan Akuakultur
5. ECO4293 Ekonomi Rekreasi dan Pelancongan
6. ECO4333 Ekonomi Bencana
7. ECO4383 Pembangunan Mampan
8. ECO4433 Ekonomi Ekologi
9. ECO4443 Ekonomi Air
10. ECO4613 Undang-Undang Sumber Asli

Kursus Elektif B**

1. ECO3063 Sejarah Pemikiran Ekonomi
2. ECO3073 Pengenalan Kepada Ekonomi Islam
3. ECO4233 Ekonomi Awam
4. ECO4353 Ekonomi Buruh
5. ECO4373 Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Malaysia
6. ECO4393 Perancangan dan Penilaian Projek
7. ECO4413 Ekonomi Kesihatan
8. ECO4423 Pengurusan Perniagaan Tani
9. ECO4453 Ekonomi Kewangan
10. ECO4463 Ekonomi Perindustrian
11. ECC5003 Mikroekonomi Lanjutan*
12. ECC5013 Makroekonomi Lanjutan*
13. ECC5033 Ekonometrik Lanjutan*
14. ECC5024 Kaedah Penyelidikan dalam Ekonomi Gunaan*

Nota :

- * Kursus Elektif bagi Saluran Integrasi Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) dengan Kepujian dengan Sarjana Ekonomi. Pelajar boleh memilih sekurang-kurangnya 1 KURSUS atau maksimum 3 KURSUS. Jumlah maksimum kredit yang layak untuk pemimdahan kredit adalah 10 jam kredit.

OBJEKTIF PENDIDIKAN PROGRAM (PROGRAM EDUCATIONAL OBJECTIVES – PEO)

Program Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) akan menghasilkan ahli ekonomi yang:

1. Berpengetahuan dalam teori ekonomi dan berkemahiran mengaplikasi ilmu ekonomi dalam analisis kuantitatif.
2. Berupaya berkomunikasi, bekerja secara efektif dan menonjolkan kualiti kepemimpinan dalam sesbuah organisasi.
3. Berupaya menjana penyelesaian inovatif kreatif serta mempamerkan etika dan profesionalisme terhadap isu-isu ekonomi dan kelestarian alam.
4. Berupaya menunjukkan kemahiran keusahawanan dan mengenal pasti keperluan pembelajaran berterusan untuk perkembangan kerjaya.

HASIL PEMBELAJARAN PROGRAM

Pada akhir program ini, graduan akan dapat:

PLO1 (Knowledge & Understanding)

Menguasai asas teori dan aplikasi dalam bidang ekonomi.

PLO2 (Practical Skills)

Menguasai dan mengaplikasikan kemahiran kuantitatif dalam analisis ekonomi.

PLO3 (Cognitive Skills)

Mengenal pasti dan menganalisis isu-isu ekonomi dan kelestarian sumber alam secara kreatif dan inovatif.

PLO4 (Communication Skills)

Berkomunikasi secara lisan dan bertulis dengan efektif dalam organisasi dan masyarakat.

PLO5 (Interpersonal Skills)

Berupaya bekerja secara individu atau berpasukan dengan efektif.

PLO6 (Ethics & Professionalism)

Mempamerkan nilai etika dan sikap profesional terhadap isu-isu ekonomi dan kelestarian alam.

PLO7 (Personal Skills)

Berkebolehan mencari dan mengurus maklumat yang bersesuaian serta mampu menerima idea baharu dalam pembelajaran sepanjang hayat.

PLO8 (Entrepreneurship)

Berkemahiran dalam aspek keusahawanan dan pengurusan ke arah pembangunan kerjaya.

PLO9 (Leadership, Autonomy & Responsibility)

Berupaya memimpin dan bertanggungjawab dalam organisasi.

PLO10 (Digital Skills)

Berkemahiran menggunakan aplikasi digital dengan kreatif dan efektif.

PLO11 (Numeracy Skills)

Mengaplikasi teori matematik ekonomi serta memproses data kuantitatif.

SKEMA TEMPATAN
PROGRAM SARJANA MUDA EKONOMI (SUMBER ALAM) DENGAN KEPUJIAN
SESI KEMASUKAN 2024/ 2025

KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT	KOD	NAMA KURSUS	JAM KREDIT	PRA-SYARAT
SEMESTER 1				SEMESTER 2			
ECO3083	Mikroekonomi I	3 (3+0)	-	ECO3153	Statistik Ekonomi dan Perniagaan I	3 (3+0)	
ECO3093	Makroekonomi I	3 (3+0)	-	ECO3213	Ekonomi Matematik	3 (3+0)	ECO3193
ECO3193	Pengenalan kepada Ekonomi Matematik	3 (3+0)	-	MPU3223	Asas Keusahawanan	3 (3+0)	-
ACT3014	Perakaunan Perniagaan	4 (4+0)	-	BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	MUET Band 3 dan ke atas
MMS3043	Sains Alam Sekitar	3 (3+0)	-	MPU3352	Integriti dan Anti Rasuah	2 (0+2)	-
COM3112	Seni Komunikasi	2 (2+0)	-	MPU3132	Penghayatan Etika & Peradaban	2 (2+0)	-
				MPU3142	Falsafah dan Isu Semasa	2 (2+0)	-
				COUXXXX	Ko-Kurikulum	2 (0+2)	-
JUMLAH		18		JUMLAH		20	
SEMESTER 3				SEMESTER 4			
ECO3123	Mikroekonomi II	3 (3+0)	ECO3083	ECO3183	Ekonometrik II	3 (3+0)	ECO3173
ECO3113	Makroekonomi II	3 (3+0)	ECO3093	ECO4213	Kaedah Penyelidikan	3 (3+0)	ECO3153
ECO3163	Statistik Ekonomi dan Perniagaan II	3 (3+0)	ECO3153	MGM3323-E	Falsafah Pengurusan	3 (3+0)	-
ECO3173	Ekonometrik I	3 (3+0)	ECO3153		Elektif 2	3 (3+0)	
ECO4243	Ekonomi Sumber Asli	3 (3+0)	ECO3083 ECO3093		Elektif 3	3 (3+0)	
COM3011	Santuni Komuniti	1 (0+1)			Elektif 4	3 (3+0)	
	Elektif 1	3 (3+0)					
JUMLAH		19		JUMLAH		18	
SEMESTER 5				SEMESTER 6			
ECO4143	Mikroekonomi III	3 (3+0)	ECO3083 ECO3123	ECO4994	Projek Ilmiah Tahun Akhir II	4 (0+4)	ECO4982
ECO4133	Makroekonomi III	3 (3+0)	ECO3093 ECO3113	ECO4404	Ekonomi Antarabangsa	4 (4+0)	ECO3083 ECO3093
ECO4982	Projek Ilmiah Tahun Akhir I	2 (0+2)	ECO4213	BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)	-
	Elektif 5	3 (3+0)			Elektif 9	3 (3+0)	
	Elektif 6	3 (3+0)			Elektif 10	3 (3+0)	
	Elektif 7	3 (3+0)			Elektif 11	3 (3+0)	
	Elektif 8	3 (3+0)					
JUMLAH		20		JUMLAH		20	
SEMESTER 7							
ECO4978	Latihan Industri	8 (0+8)	-				
JUMLAH		8					
				JUMLAH KREDIT BERGRADUAT		123	

Nota:

1. Pelajar wajib mengikuti **Program Survival dan Keselamatan Air** sebagai **syarat bergraduat**.
2. Jumlah jam kredit kursus elektif yang perlu diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah tertakluk kepada **jumlah jam kredit elektif** yang ditetapkan oleh program pengajian tersebut untuk memenuhi kelayakan bergraduat dan tidak tertakluk kepada **bilangan** kursus elektif yang diambil.
3. Senarai kursus elektif yang boleh diambil oleh pelajar dalam program pengajian adalah merujuk kepada penawaran kursus yang tertera dalam buku panduan program pengajian fakulti tersebut dan juga fakulti lain.

Rujukan : Kelulusan Senat UMT kali ke 184 Tahun 2024.

INTERNATIONAL SCHEME
BACHELOR OF ECONOMICS (NATURAL RESOURCE) WITH HONOURS
SESSION 2024/ 2025

CODE	COURSES	CREDIT HOURS	PRE REQUISITE	CODE	COURSES	CREDIT HOURS	PRE REQUISITE
SEMESTER 1				SEMESTER 2			
ECO3083	Microeconomics I	3 (3+0)	-	ECO3153	Statistics for Economics and Business I	3 (3+0)	
ECO3093	Macroeconomics I	3 (3+0)	-	ECO3213	Mathematical Economics	3 (3+0)	ECO3193
ECO3193	Introduction to Mathematical Economics	3 (3+0)	-	ACT3014	Business Accounting	4 (4+0)	-
BBB3013	Academic Writing Skills	3 (3+0)	MUET Band 3 and above	BBB3023	Public Speaking	3 (3+0)	-
MMS3043	Environmental Science	3 (3+0)	-	MPU3132	Appreciation of Ethics and Civilizations	2 (2+0)	-
MPU3143	Communicative Malay Language	3 (3+0)	-	MPU3352	Integrity dan Anti-Corruption	2 (0+2)	-
				CCXXXX	Co-curriculum	2 (0+2)	-
JUMLAH		18		JUMLAH		19	
SEMESTER 3				SEMESTER 4			
ECO3123	Microeconomics II	3 (3+0)	ECO3083	ECO3183	Econometrics II	3 (3+0)	ECO3173
ECO3113	Macroeconomics II	3 (3+0)	ECO3093	ECO4213	Research Methodology	3 (3+0)	ECO3153
ECO3163	Statistics for Economics and Business II	3 (3+0)	ECO3153	MGM3323-E	Philosophy of Management	3 (3+0)	-
ECO3173	Econometrics I	3 (3+0)	ECO3153		Elective 2	3 (3+0)	
ECO4243	Natural Resource Economics	3 (3+0)	ECO3083 ECO3093		Elective 3	3 (3+0)	
	Elective 1	3 (3+0)			Elective 4	3 (3+0)	
					Elective 5	2 (2+0)	
JUMLAH		18		JUMLAH		20	
SEMESTER 5				SEMESTER 6			
ECO4143	Microeconomics III	3 (3+0)	ECO3083 ECO3123	ECO4994	Final Year Project Paper (FYP) II	4 (0+4)	ECO4982
ECO4133	Macroeconomics III	3 (3+0)	ECO3093 ECO3113	ECO4404	International Economics	4 (4+0)	ECO3083 ECO3093
ECO4982	Final Year Project Paper (FYP) I	2 (0+2)	ECO4213	BBB3033	English for Occupational Purposes	3 (3+0)	-
	Elective 6	3 (3+0)			Elective 10	3 (3+0)	
	Elective 7	3 (3+0)			Elective 11	3 (3+0)	
	Elective 8	3 (3+0)			Elective 12	3 (3+0)	
	Elective 9	3 (3+0)					
JUMLAH		20		JUMLAH		20	
SEMESTER 7							
ECO4978	Industrial Training	8(0+8)	-				
JUMLAH		8					
				TOTAL CREDIT HOURS FOR GRADUATION			123

Notes:

1. Student are required to undertake the **Survival and Water Safety program** as a **condition to graduate**.
2. The number of elective course credit hours that must be taken by students in the program of study is subject to the number of elective credit hours set by the program of study to meet graduate qualifications and is not subject to the number of elective courses taken.
3. The list of elective courses that can be taken by students in the program of study refers to the course offerings listed in the handbook of the study program of the faculty and other faculties.

Rujukan : Kelulusan Senat UMT kali ke 170 Tahun 2023.

Sinopsis Kursus

ECO3083 Mikroekonomi I

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini meliputi topik-topik pengenalan kepada mikroekonomi yang merangkumi teori gelagat pengguna meliputi konsep keanjalan, teori pengeluaran, teori kos pengeluaran, pemaksimuman untung dan penawaran serta analisis pasaran kompetitif.

ECO3093 Makroekonomi I

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan konsep asas makroekonomi. Topik yang akan dibincangkan meliputi pendapatan negara, pasaran barang, pasaran kewangan, model IS-LM, pasaran buruh, model AS-AD, isu-isu makroekonomi utama iaitu pengangguran dan inflasi, serta dasar ekonomi bagi menangani permasalahan ini.

ECO3113 Makroekonomi II

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : ECO3093 (Makroekonomi I)

Kursus ini merangkumi topik berkaitan makroekonomi dalam jangka panjang dan andaian. Secara khusus, pelajar akan belajar mengenai pertumbuhan ekonomi, pengumpulan modal, kemajuan teknologi dan teori jangkaan dalam pasaran kewangan, penggunaan dan pelaburan.

ECO3123 Mikroekonomi II

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : ECO3083 (Mikroekonomi I)

Kursus ini merupakan lanjutan daripada kursus Mikroekonomi I dan menawarkan kurikulum mikroekonomi di peringkat pertengahan. Tajuk-tajuk yang akan dibincangkan adalah teori firma (pengeluaran dan kos), analisis pasaran kompetitif dan tidak kompetitif serta pasaran faktor input (pasaran faktor).

ECO3153 Statistik Ekonomi dan Perniagaan I

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada asas statistik dalam bidang ekonomi dan perniagaan. Penekanan di berikan kepada statistik deskriptif yang merangkumi tajuk-tajuk seperti penyusunan data, kaedah persembahan data, ukuran kecenderungan memusat dan ukuran serakan, kebarangkalian dan taburan kebarangkalian, pensampelan, anggaran dan ujian hipotesis satu sampel. Kursus ini juga akan memperkenalkan konsep statistik penakbiran.

ECO3163 Statistik Ekonomi dan Perniagaan II

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : ECO3153 (Statistik Ekonomi dan Perniagaan I)

Kursus ini adalah lanjutan daripada statistik asas dalam bidang pengurusan perniagaan dan ekonomi. Tumpuan adalah di dalam statistik inferens seperti pengujian hipotesis, korelasi dan regresi, statistik tak berparameter serta analisis siri masa dan indeks. Pelajar turut didedahkan kepada penggunaan perisian statistik.

ECO3173 Ekonometrik I

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : ECO3153 (Statistik Ekonomi dan Perniagaan I)

Kursus ini akan membincangkan secara terperinci kaedah pembangunan model regresi tunggal, andaian dan masalah dalam model regresi. Topik yang akan dibincangkan merangkumi pengenalan, teori korelasi, regresi mudah, regresi berbilang, dan andaian. Masalah penganggaran dalam model regresi merangkumi masalah autokorelasi, multikolineariti dan heteroskedastisiti. Pengenalan pemboleh ubah dami tak bersandar.

ECO3183 Ekonometrik II

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : ECO3173 (Ekonometrik I)

Kursus ini merupakan lanjutan daripada kursus Ekonometrik I. Antara topik yang akan dibincangkan meliputi pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah bersandar dami, model dinamik ekonometrik, model regresi data panel, model persamaan serentak, model ekonometrik dinamik, ekonometrik siri masa dan peramalan. Kursus ini menggabungkan pembelajaran berdasarkan teknologi selaras dengan Kriteria IR 4.0 12(1) terutamanya pada sesi praktikal menggunakan perisian ekonometrik seperti Stata dan Eviews.

ECO3193 Pengenalan Kepada Ekonomi Matematik

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan membincangkan set dan fungsi, matriks dan pengaturcaraan linear. Kursus ini juga membincangkan had dan fungsi selanjar, fungsi terbitan dan penggunaannya, pengamiran dan teknik pengamiran mudah, penggunaan kamiran, jujukan dan siri dan persamaan pembezaan permulaan. Perbincangan mengenai statistik berperihal, kebarangkalian, pemboleh ubah rawak, regresi dan korelasi juga termasuk dalam kursus ini.

ECO3213 Ekonomi Matematik

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : ECO3193 (Pengenalan kepada Ekonomi Matematik)

Kursus ini menekankan penggunaan kaedah matematik bagi mewakili teori dan menganalisis masalah dalam ekonomi. Dalam kata lain, model ekonomi yang menggunakan prinsip dan teknik matematik bagi membangunkan teori ekonomi dan menyelidik persoalan dalam ekonomi. Kursus ini akan membincangkan aplikasi ekonomi graf dan persamaan atau fungsi, kalkulus pembezaan, kalkulus kamiran dan algebra matrik. Perbincangan bagi setiap tajuk akan disusun untuk memberikan penyelesaian bagi masalah ekonomi yang tertentu.

ECO4133 Makroekonomi III

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : ECO3093 (Makroekonomi I), ECO3113 (Makroekonomi II)

Kursus ini membincangkan topik teori makroekonomi secara lebih mendalam yang merangkumi isu-isu keterbukaan ekonomi seperti penggabungan dan keberkesanannya dasar makroekonomi. Menangani isu-isu semasa dalam makroekonomi meliputi pengangguran, inflasi, integrasi ekonomi dan krisis ekonomi serta merumuskan dasar monetari dan dasar fiskal serta pelbagai teori makroekonomi (Klasik, Keynesian, Monetaris dan lain-lain).

ECO4143 Mikroekonomi III

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : ECO3083 (Mikroekonomi I), ECO3123 (Mikroekonomi II)

Kursus ini direka untuk pelajar ekonomi bagi memahami dan meneroka konsep mikroekonomi lanjutan selepas mengikuti kursus mikroekonomi asas untuk mengukuhkan pemahaman. Kursus ini menekankan teori mikroekonomi yang meliputi tajuk teori permainan, pelaburan, masa dan pasaran modal, keseimbangan dan kecekapan ekonomi serta pasaran dengan maklumat asimetrik.

ECO4213 Kaedah Penyelidikan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : ECO3153 (Statistik Ekonomi dan Perniagaan I)

Kursus ini membincangkan kaedah saintifik sebagai strategi penyelidikan untuk menyelesaikan masalah ekonomi dalam dunia nyata. Kursus ini merangkumi proses penyelidikan termasuk pembangunan pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif projek penyelidikan, membangunkan kerangka teori, merumus hipotesis dan reka bentuk penyelidikan; isu persampelan, pengumpulan data dan analisis data menggunakan teknik yang sesuai yang disediakan dalam perisian statistik, serta menekankan pada tafsiran hasil, dan penulisan laporan penyelidikan.

ECO4243 Ekonomi Sumber Asli

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : ECO3083 (Mikroekonomi I), ECO3093 (Makroekonomi I)

Kursus ini membincangkan teori-teori asas modal asli, penghausan optimum sumber yang tidak boleh diperbaharui, penggunaan optimum sumber yang boleh diperbaharui dan kontroversi mengenai kekurangan.

ECO4404 Ekonomi Antarabangsa

Jam Kredit : 4 (4+0)

Prasyarat : ECO3083 (Mikroekonomi I), ECO3093 (Makroekonomi I)

Kursus ini menyediakan perbincangan yang mendalam mengenai ekonomi terbuka dan dasar perdagangan bagi memahami dengan lebih mendalam konsep modal perdagangan antarabangsa, halangan perdagangan, integrasi ekonomi, perjanjian komoditi antarabangsa, pertukaran asing, spekulasi, pengaliran modal, imbalan pembayaran, kawalan tukaran asing dan sistem kewangan antarabangsa.

ECO4978 Latihan Industri

Jam Kredit : 8 (0+8)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan pelajar kepada pengalaman kerja sebenar. Tumpuan diberikan kepada perancangan dan aplikasi teori ekonomi serta ekonomi sumber alam mengikut pengkhususan bidang yang dipilih. Latihan industri akan dijalankan di organisasi di bawah penyeliaan pensyarah dan penyelia industri yang dilantik.

ECO4982 Projek Ilmiah Tahun Akhir I

Jam Kredit : 2 (0+2)

Prasyarat : ECO4213 (Kaedah Penyelidikan)

Kursus ini memperkenalkan elemen-elemen asas dalam melaksanakan projek tahun akhir. Kursus ini merangkumi pengenalpastian aspek-aspek penting dalam penyelidikan merangkumi permasalahan kajian, objektif kajian, hipotesis yang berkaitan dengan penyelidikan yang dijalankan dan metodologi kajian. Ia juga melibatkan penulisan kajian lepas, kepentingan kajian dan sumbangan hasil yang diharapkan kepada Projek Tahun Akhir II. Ia juga memberikan pelajar kemahiran penulisan dan kemahiran melaksanakan pembentangan.

ECO4994 Projek Ilmiah Tahun Akhir II

Jam Kredit : 4 (0+4)

Prasyarat : ECO4982 (Projek Ilmiah Tahun Akhir I)

Kursus ini memberi peluang kepada pelajar untuk meneruskan pembangunan cadangan daripada kursus Projek Ilmiah Tahun Akhir I. Pelajar akan meneruskan dan melengkapkan penyelidikan mereka yang berkaitan dalam bidang teras atau pengkhususan program. Penekanan akan diberikan kepada kaedah penganalisaan data dan pembentangan penemuan kajian dan pembangunan artikel. Kursus ini memberi tumpuan kepada elemen lanjutan dalam menjalankan projek tahun akhir berdasarkan bidang pengkhususan yang dikenal pasti.

ACT3014 Perakaunan Perniagaan

Jam Kredit : 4 (4+0)
Prasyarat : Tiada

Kursus ini dibangunkan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada pelajar bukan perakaunan. Kursus ini mengintegrasikan dua disiplin perakaunan: perakaunan kewangan dan perakaunan pengurusan. Kursus ini merangkumi peranan perakaunan sebagai input penting dalam perniagaan, kitaran perakaunan, prinsip catatan bergu, penyediaan penyata kewangan, perakaunan untuk aset, liabiliti dan ekuiti, analisis penyata kewangan dan pemantauan kos. Pengalaman yang diperoleh dari kursus ini adalah tidak ternilai.

MGM3323-E Falsafah Pengurusan

Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Analisis terhadap teori, prinsip, teknik dan alat-alat asas pengurusan dengan penumpuan terhadap aktiviti-aktiviti pengurusan yang berkaitan dengan bidang atau fungsi untuk sesebuah organisasi perniagaan dan bukan perniagaan. Penekanan juga akan diberikan terhadap pendekatan bersistem.

MMS3043 Sains Alam Sekitar

Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : Tiada

Konsep asas sains alam sekitar, pengenalan kepada sekitaran atmosfera, akuatik dan daratan. Sumber air, penggunaan dan pengurusan air. Kesan pembangunan kepada alam sekitar akuatik. Sumber dan pengurusan hidupan liar, taman negara, hutan, lombong, muara dan paya. Kesan pembuangan kumbah domestik, industri dan pertanian ke atas alam sekitar dan ekosistem. Undang-undang dan piawaian alam sekitar yang diamalkan di Malaysia. Pengenalan kepada penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA).

SINOPSIS KURSUS ELEKTIF PROGRAM**ECO3063 Sejarah Pemikiran Ekonomi**

Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat: Tiada

Dalam kursus ini, pelajar akan menelusuri evolusi pemikiran ekonomi dari kalangan mazhab-mazhab utama hingga awal abad ke dua puluh. Sekolah pemikiran utama yang dibincangkan meliputi "Mercantilist School, Physiocratic School, Classical School, Socialist School, Neoclassical School, Keynesian School, dan New Classical School" di mana pelajar akan mempelajari pemikir ekonomi yang berpengaruh seperti Adam Smith, Thomas Malthus, David Ricardo, Karl Marx, dan John Maynard Keynes.

ECO3073 Pengenalan Kepada Ekonomi Islam

Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi pelbagai yang boleh dikaitkan dengan ekonomi Islam. Antara topik yang akan dibincangkan termasuk topik berkaitan dengan teori penggunaan, pengeluaran, pengagihan pendapatan dankekayaan dalam perspektif Islam. Penekanan juga diberikan kepada aspek sistem kewangan, fiskal serta perancangan dan pembangunan sebuah negara Islam. Maksudnya, kursus ini boleh memberikan nilai tambah kepada aspek ekonomi dalam konteks Islam yang sebenar.

ECO4233 Ekonomi Awam

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memberikan pengenalan mengenai peranan dan kepentingan ekonomi sektor awam. Topik yang dibincangkan termasuk teori dan penetapan harga barang awam, pertumbuhan dan pembiayaan sektor awam, analisis kos faedah dan sistem undian. Perbincangan terperinci akan tertumpu kepada faktor-faktor kegagalan pasaran, penglibatan kerajaan dalam menentukan sistem pencukaian terbaik dan pengagihan semula pendapatan.

ECO4253 Ekonomi Alam Sekitar

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus Ekonomi Alam Sekitar ini menawarkan pelajar pemahaman yang komprehensif tentang prinsip asas ekonomi yang membentuk persekitaran semula jadi. Subbidang ekonomi ini menyelidik insentif ekonomi, dasar dan proses pembuat keputusan yang mempunyai kesan mendalam terhadap kemapanan dan kesejahteraan planet kita.

ECO4263 Ekonomi Tenaga

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Memberi tumpuan kepada pelbagai topik berkaitan tenaga dari perspektif ekonomi. Topik meliputi tinjauan umum ke atas sumber tenaga di Malaysia dan di dunia; teori-teori asas ekonomi mengenai pengagihan dan pengeksplotasian sumber tenaga; permintaan dan penawaran sumber tenaga; dasar tenaga di Malaysia dan isu penetapan harga; pilihan penggunaan tenaga berkaitan dengan isu-isu pemuliharaan dan isu alam sekitar.

ECO4273 Ekonomi Tanah dan Perhutanan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan peranan tanah sebagai faktor pengeluaran yang penting dan hutan sebagai sumber produktif yang kritikal. Di bahagian awal kursus, konsep dan teori sewa tanah dan lokasi tanah dibincangkan. Masalah pemilikan tanah dan peruntukan sumber produktif yang menumpukan kepada sumber perhutanan juga menjadi subjek dalam kursus ini. Perbincangan turut meliputi prinsip-prinsip ekonomi perhutanan, modal perhutanan, pasaran kayu dan pengurusan hutan di Malaysia.

ECO4283 Ekonomi Perikanan dan Akuakultur

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan aspek eksplotasi, pengurusan dan pemuliharaan sumber perikanan dan akuakultur dengan mengaplikasi teori dan prinsip ekonomi. Perbandingan keberkesanan kaedah pengawalan perikanan bagi mencapai tingkat optimum ekonomi akan dilaksanakan dalam konteks perikanan di Malaysia. Isu dan dasar perikanan di Malaysia dan antarabangsa turut dibincangkan serta peranan akuakultur sebagai sumber alternatif penting dari lautan. Masalah dalam perikanan dan akuakultur dalam konteks pengeluaran dan pemasaran turut dibincangkan.

ECO4293 Ekonomi Rekreasi dan Pelancongan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Rekreasi dan pelancongan sentiasa menyediakan bidang pengajian yang menarik untuk ahli ekonomi. Kursus ini membolehkan pelajar mengkaji elemen ekonomi rekreasi dan pelancongan dari perspektif pasaran dan bukan pasaran. Topik yang dibincangkan termasuk permintaan, penawaran, kos, pasaran, kesan luaran, barang awam, kaedah dan alatan penilaian bukan pasaran, impak ekonomi, impak alam sekitar dan pembangunan rekreasi dan pelancongan yang mampan.

ECO4333 Ekonomi Bencana

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan membincangkan tentang ekonomi bencana (buatan manusia dan semula jadi), jenis-jenis bencana, kos dan mitigasi serta kaedah untuk meminimumkan impak bencana alam dari perspektif sosial dan ekonomi.

ECO4353 Ekonomi Buruh

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini memperkenalkan dan menerapkan topik asas dalam ekonomi buruh. Ia mengkaji mengenai organisasi, fungsi dan keluaran pasaran buruh, keputusan bakal dan guna tenaga pasaran buruh kini dan dasar awam yang berkaitan dengan pekerjaan dan sumber buruh.

ECO4373 Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Malaysia

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : ECO3083 (Mikroekonomi I)/ ECO3013 (Pengenalan kepada Mikroekonomi)/ ECO3093 (Makroekonomi I)/ ECO3023 (Pengenalan kepada Makroekonomi)

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan mengenai proses penggubalan kandungan serta perlaksanaan dasar dan strategi pembangunan seperti Rancangan Malaysia Lima Tahun, Pelan Induk Perindustrian, Dasar Pertanian Negara, Kerangka Rancangan Jangka Panjang dan Wawasan 2020. Ia juga memberi pendedahan kepada fungsi, peranan dan operasi agensi pembangunan termasuk Unit Perancangan Ekonomi, Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Jabatan Perikanan, Pertanian, dan Perkhidmatan Haiwan, FELDA, RISDA, FELCRA, Bank Negara dan Unit Penyelaras dan Pelaksanaan.

ECO4383 : Pembangunan Mampan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan kepentingan memahami konsep, komponen dan petunjuk bagi Pembangunan Lestari dan usaha-usaha ke arah membangunkan ekonomi negara yang dianggap mampan. Pelbagai isu akan dibincangkan meliputi populasi, keselamatan makanan, air, tenaga, kualiti hidup dan alam sekitar. Punca dan penyelesaian ke arah Pembangunan mampan juga akan dibincangkan. Penglibatan dengan komuniti untuk menyediakan perkhidmatan sosial dan melaksanakan projek yang berkaitan akan mengembangkan kemahiran komunikasi dan kemahiran interpersonal pelajar.

ECO4393 Perancangan dan Penilaian Projek

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Dalam kursus ini, teori dan teknik dalam perancangan akan dibincangkan merangkumi hubungan antara perancangan projek di peringkat sektor mikro dan makro. Topik yang akan dibincangkan meliputi kitaran projek, analisis projek (ekonomi, kewangan, komersial dan sosial) serta kaedah penilaian projek (kaedah tradisional dan kaedah pendiskaunan). Harga perakaunan sosial dan ekonomi digunakan. Isu-isu dalam perancangan dan penilaian projek turut dibincangkan. Kursus ini juga akan mengundang sektor Industri untuk memberi ceramah/bengkel/mengajar pelajar menulis cadangan, menilai cadangan dan pembentangan pelajar.

ECO4413 Ekonomi Kesihatan

Jam Kredit: 3 (3+0)

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi tajuk permintaan dan penawaran bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan, pasaran untuk insurans kesihatan, penilaian ekonomi dalam sektor penjagaan kesihatan, pasaran untuk pemain utama dalam sektor penjagaan kesihatan meliputi pakar perubatan, hospital dan farmaseutikal dan campur tangan kerajaan dalam pasaran penjagaan kesihatan.

ECO4423 Pengurusan Perniagaan Tani

Jam Kredit: 3 (3+0)

Prasyarat: Tiada

Kursus ini merangkumi prinsip asas pengurusan dan aspek gelagat manusia dan kelakuan firma. Isu-isu seperti perancangan jangka panjang untuk pertumbuhan, penggunaan prinsip pengurusan untuk menganalisis sistem dan struktur pasaran perniagaan tani, dan dasar perniagaan tani akan juga dibincangkan.

ECO4433 Ekonomi Ekologi

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan memperkenalkan pengetahuan rentas disiplin merentasi sains semula jadi, sains sosial dan kemanusiaan pada peringkat asas. Pelajar didedahkan kepada perspektif holistik dan normatif yang menggabungkan teori ekonomi dan konsep ekologi utama berkaitan dengan sistem Bumi. Sebagai pengenalan, prinsip-prinsip etika, falsafah dan sejarah dalam bidang kajian ekonomi ekologi akan dibincangkan. Komponen ekologi akan diperkenalkan pada bahagian pertama kursus ini yang merangkumi topik asas mengenai ekologi, biodiversiti dan ekosistem. Untuk menyerlahkan interaksi sebenar dalam komponen ekologi, ekonomi dan sosial ekosistem semula jadi, konsep perkhidmatan ekosistem akan diperkenalkan dalam kursus ini. Topik perkhidmatan ekosistem membincangkan konsep fungsi ekosistem dan faedah yang diperoleh daripada ekosistem semula jadi. Aplikasi teori dan konsep ekonomi akan digunakan untuk menilai nilai ekonomi ekosistem semula jadi dengan penerapan pelbagai kaedah penilaian ekonomi. Pada akhir kursus ini, elemen pembuat keputusan (etika) dan kaedah yang berkaitan akan diperkenalkan bagi tujuan pelaksanaan dasar.

ECO4443 Ekonomi Air

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini menerangkan sumber air, bekalan dan permintaan dengan membincangkan mengenai pertikaian air yang paling mendesak dan kontroversial, serta pemboleh ubah yang akan menentukan masa depan terhadap konflik, kerjasama, dan kemampanan

ECO4453 Ekonomi Kewangan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini membincangkan konsep wang dan peranan dasar monetari dalam sesebuah ekonomi. Topik yang dibincangkan meliputi sistem permintaan, aset kewangan, bank pusat dan institusi kewangan serta pasaran kewangan, permintaan dan penawaran wang dan perbezaan model Klasikal, Keynesian dan Monetaris; analisis dasar monetari dan keluaran berasaskan model IS-LM dan model AD-AS serta penyaluran dasar monetari kepada sektor ekonomi sebenar. Penekanan juga diberikan ke atas perkembangan sistem kewangan di Malaysia.

ECO4463 Ekonomi Perindustrian

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini merangkumi topik mengenai organisasi dan operasi sektor industri termasuk struktur pasaran, gelagat dan prestasi. Penekanan diberikan terhadap dasar dan bukti-buktii empirik yang berkaitan.

ECO4613 Undang-Undang Sumber Asli

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : Tiada

Kursus ini akan membincangkan peruntukan undang-undang, peraturan dan aspek ekonomi pengurusan sumber asli seperti pengagihan kuasa, pentadbiran, kesalahan, penalti dan penguatkuasaan. Kursus ini turut mengkaji kerangka instrumen ekonomi khususnya mengenai komponen hak harta dan caj sumber alam seperti lesen, permit, royalti, cukai, yuran dan lain-lain. Selain itu dasar dan isu berkaitan pengagihan dan pengurusan sumber juga dibincangkan. Perhatian khusus diberikan kepada sumber perhutanan, taman semula jadi dan hidupan liar, perikanan, mineral serta sumber tanah dan air.

ECO5003 Mikroekonomi Lanjutan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : ECO3083 & ECO3123

Microeconomics is a branch of economics that studies the behaviour of how the economic agents (household and firms) make decisions to allocate limited resources. This course equips the students with analytical skills and tools to model economic activities as the interaction of individual economic agents pursuing their private interests. In addition, it also allows the students to analyse market mechanisms that establish relative prices among goods and services and allocation of limited resources amongst many alternative uses.

ECO5013 Makroekonomi Lanjutan

Jam Kredit : 3 (3+0)

Prasyarat : ECO3093 & ECO3113

This course discusses the performance, structure, behaviour and decision making of the entire economy. This course equips the students to understand the theory and practice of modern macroeconomics. The course focuses on the underlying determinants of economic growth by developing and accessing a variety of models. A central feature of the course includes understanding the ability and limitations of macroeconomic policy for stabilizing the business cycle and promoting long term growth.

ECO5023 Kaedah Penyelidikan dalam Ekonomi Gunaan

Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ECO4213

This course discusses the performance, structure, behaviour and decision making of the entire economy. This course equips the students to understand the theory and practice of modern macroeconomics. The course focuses on the underlying determinants of economic growth by developing and accessing a variety of models. A central feature of the course includes understanding the ability and limitations of macroeconomic policy for stabilizing the business cycle and promoting long term growth.

ECO5033 Ekonometrik Lanjutan

Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat : ECO3173 & ECO3183

This course aims to expose students on the formulation and selection of economic models at an advanced level. The focus will be on econometrics theory and the application of econometrics to analyses of real economic issues. The topics covered are linear and non-linear multivariate regressions, issues in linear regressions including model misspecifications, autocorrelation, heteroscedasticity, multicollinearity and measurement errors. This course exposes the students regarding the time series regression i.e. cointegration, causality test and Autoregressive Distributed Lag model (ARDL). The students will be exposed to using statistical tools in econometric analysis needed to execute independent empirical research projects.

SINOPSIS KURSUS TERAS UNIVERSITI**BB3013 Academic Writing Skills**

Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat: : MUET (Band 3-6)

This course is designed to develop students' competence in writing. It introduces students to the skills needed to become effective writers. Students will be guided through the main stages in writing such as pre-writing, outlining, drafting and revising which will enable them to produce well-organised and adequately developed essays. Emphasis is also given on creative and critical thinking which are integral to the writing process.

BBB3033 English For Occupational Purposes

Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat: : Tiada


The course will cover a range of topics that is related to occupational needs such as writing a resume, memorandum and proposal, speaking during a job interview and meeting, and presenting ideas in front of an audience. Learners will learn common language functions and to utilise them appropriately in work place situations. Exercises and practical in-class sessions will be conducted to give learners some insight into English communication needs in the work place.

MPU3223 Asas Keusahawanan

Jam Kredit : 3 (3+0)
Prasyarat: : Tiada

Kursus ini memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang konsep asas bidang keusahawanan. Pelajar juga akan melakukan aktiviti pembelajaran yang menjurus kepada membina minda keusahawanan sebagai persediaan awal menempuh alam kerjaya kelak.

HUBUNGI KAMI



**Fakulti Perniagaan, Ekonomi Dan Pembangunan Sosial
Universiti Malaysia Terengganu
21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia**

-  **+609 668 4149**
-  fbesd@umt.edu.my
-  fbesd.umt.edu.my
-  www.facebook.com/OfficialFBESD